

**TEKS UCAPAN Y.BHG NAIB CANSELOR
MAJLIS PERASMIAN SURAU KAMPUS TETAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

12 Mac 2014

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Yang Berbahagia Prof. Dr. Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha En.Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Pn. Saodah Hassan, Bendahari UniMAP

Yang Berusaha Pn. Mazmin Mat Akhir, Pemangku Ketua Pustakawan UniMAP

Yang Berusaha Ustaz Hassan Arshad, Pengarah Pusat Islam UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-dekan, ketua-ketua jabatan,

Seterusnya anak-anak para pelajar dan kakitangan UniMAP yang dirahmati Allah SWT sekalian.

KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Sebelum kita meneruskan majlis ini, saya ingin menjemput saudara saudari hadirin hadirat yang hadir pada pagi ini, untuk sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah dan berdoa untuk keselamatan dan kesihatan anak-anak kapal dan penumpang MH370 yang sehingga kini masih lagi belum dijumpai.

AL-Fatihah.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama-sama di petang yang berbahagia ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Surau Kampus Tetap UniMAP. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.
2. Syukur juga dipanjangkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan peluangnya juga, dapat kita sama-sama menunaikan solat secara berjemaah di surau ini. Penantian yang ditunggu sejak sekian lama oleh warga UniMAP akhirnya kini menjadi kenyataan. Dengan kos RM1.2 juta surau yang dapat menampung kira-kira 500 orang ini diharap dapat memenuhi keperluan sementara warga UniMAP. Ianya bukanlah bersifat kekal kerana usaha untuk mendapatkan dana bagi membina sebuah Masjid (Kompleks Islam) di dalam kampus masih lagi diteruskan. InsyaAllah UniMAP sentiasa berusaha sehabis baik untuk tujuan tersebut.
3. Saya juga bercadang untuk membuka peluang kepada warga UniMAP berkongsi ganjaran pahala wakaf. Bermula hari ini semua orang boleh berwakaf untuk keperluan surau seperti mewakafkan wang tunai, telekung, sejadah, Al-Quran dan sebagainya.
4. Ini tidak bermakna UniMAP tidak mampu untuk mengeluarkan perbelanjaan untuk surau. Tetapi tujuannya menggalakkan warga UniMAP belajar erti infaq, sedekah dan wakaf agar ianya menjadi saham di akhirat kelak seperti mana yang disebut dalam hadith Nabi SAW "Apabila matinya seorang anak Adam maka terputus lah segala hubungan kecuali 3 perkara.
 - sedakah jariah (infaq dan wakaf),
 - Ilmu yang bermanfaat yg telah disampaikan kepada orang lain,
 - Doa anak2 yg soleh.

Jadi tidakkah kita ingin mengambil peluang tersebut sebagai saham yang menanti di pintu syurga.? Tidak miskin dek kerana kita bersedekah, tidak jahil kerena kita menyampaikan ilmu dan tidak pula sengsara hidup jika kita sentiasa mendoakan kepada ibu bapa. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Sebagai satu masyarakat yang menganuti agama yang sama, pemopokan persaudaraan di antara ahli masyarakat adalah menjadi satu kewajipan kita bersama, tidak kira sama ada kita golongan tua, atau muda, awam atau tentera, di bandar atau di desa. Apa yang harus kita ingat ialah bahawa menerusi perpaduan kita akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang teguh dan bermaruah. Sebaliknya jika terdapat perpecahan di kalangan kita, maka ini akan merugikan kita sendiri di samping menerima kutukan dari Allah Subhanahu Wataala.
6. Perpaduan dan saling faham memahami di antara ahli atau anggota masyarakat harus dijadikan sebagai satu penekanan dalam syaranan, kuliah atau perjumpaan di kalangan cerdik pandai orang-orang Islam. Kita semua maklum bahawa unsur perpaduan adalah juga ajaran Islam agar masyarakat tidak berbelah bahagi. Perpaduan harus dijadikan satu amalan dan ianya patut dipuji dan diberi sanjungan tinggi.
7. Khidmat yang berasaskan perpaduan membuktikan keinsafan kita untuk menegak dan meninggikan syiar Islam serta kesanggupan kita untuk menghayati ajaran Tuhan Yang Maha Esa agar kita dilimpahkan kebahagiaan serta kesejahteraan hidup.
8. Justeru, saya telah melihat pelbagai rancangan dan aktiviti untuk mengimarahkan lagi surau ini. Aktiviti mingguan atau kelas-kelas agama untuk para pelajar dan staf juga selepas ini akan dilaksanakan di surau ini. Atas dasar itu, Pusat Islam seharusnya membuat perancangan sebaik mungkin untuk memaksimakan majlis ilmu yang bermanfaat di sini.

9. Saya percaya, dengan perlantikan pengurus pengurusan surau ini juga dapat membantu serta memberi komitmen yang terbaik dalam usaha untuk mengimarahkan lagi surau ini. Insya Allah

Hadirin dan hadirat sekalian

10. Surau / masjid seharusnya dijadikan tempat untuk beribadah serta menuntut ilmu-ilmu bukan tempat untuk mengutuk mana-mana insan. Apa lagi tempat untuk bertemu membuat komplot atau pergerakkan yang salah. Saya berharap ianya tidak terjadi di UniMAP. Suburkanlah fikrah untuk sama-sama membangunkan institusi surau ini dengan perkara-perkara yang member manfaat. Jangan kita asyik melihat kesalahan orang lain kerana kesalahan diri kita sentiasa di perhatikan orang.
11. Saya mempunyai keyakinan penuh bahawa, anak-anak didik saya serta warga UniMAP keseluruhannya mempunyai kesedaran yang tinggi untuk sama-sama memastikan surau ini digunakan dengan sebaik mungkin.
12. Antara lain kebersihan surau ini juga hendaklah dijaga dan pastikan surau ini menjadi tempat yang amat menarik lagi menawan supaya ia dapat menggambarkan kehebatan, kemuliaan dan kesyumulan agama Islam itu sendiri.
13. Dalam hal ini saya menyeru pihak Pusat Islam agar benar-benar menjaga dan memastikan segala keperluan di surau ini sentiasa dapat diadakan.
14. Saya juga bercadang untuk mengadakan solat jumaat di surau ini, namun proses ini mungkin akan mengambil sedikit masa dan perlu dipenuhi beberapa syarat agar ianya dapat dijalankan dengan tiada masalah di masa-masa hadapan. Yang penting keperluan imam dan bilal dan pentadbiran masjid perlu diperkuuhkan terlebih dahulu.

15. Akhir kata dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", saya dengan penuh takzimnya merasmikan Surau UniMAP ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.